

## Hubungan Kerjasama Masyarakat Dalam Projek Makmal Sosial Di Kg. Takang, Bachok, Kelantan

Zaleha Embong

[zaleha.e@umk.edu.my](mailto:zaleha.e@umk.edu.my)

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan.*

Noor Hisham Md Nawi

[hisham@umk.edu.my](mailto:hisham@umk.edu.my)

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan.*

### ABSTRAK

Hubungan kerjasama memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat. Oleh sebab itu, hubungan kerjasama menjadi cita-cita seluruh masyarakat untuk hidup secara aman dan harmoni. Masyarakat sering mengalami konflik kerana tidak mengenali antara satu sama lain dan kurang berinteraksi. Oleh sebab itu, aktiviti kemasyarakatan mampu membawa masyarakat untuk bertemu dan membina hubungan yang baik. Masyarakat Kg. Takang, Bachok, Kelantan merupakan sebuah kampung yang aktif dalam melakukan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan telah dijadikan sebagai makmal sosial oleh Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2017. Ekoran itu, hubungan masyarakat semakin erat dan wujud hubungan kerjasama yang baik. Oleh demikian, artikel ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang telah berjaya membina hubungan kerjasama dalam masyarakat di Kg. Takang. Artikel ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kajian kepustakaan, temu bual mendalam dan pemerhatian. Manakala, analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil dapatan mendapati bahawa hubungan kerjasama dalam masyarakat wujud kerana masyarakat begitu aktif melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan secara kolektif dan berterusan. Model Pembangunan Komuniti *Hijraturrasul* yang menerapkan prinsip *aulawiyat* (keutamaan) yang diperaktikkan dalam Program Makmal Sosial ini memberi impak positif kepada masyarakat Kg. Takang.

**Kata kunci:** aktiviti kemasyarakatan; Model Pembangunan Komuniti *Hijraturrasul*; hubungan kerjasama; program makmal sosial; prinsip *aulawiyat*.

## **Community Cooperative Relationship in Social Laboratory Project in Kg. Takang, Bachok, Kelantan**

### **ABSTRACT**

Cooperative relationship plays an important role in creating a harmonious atmosphere in the society. Due to this, cooperation is considered an utmost goal of living peacefully and harmoniously within a society. Communities often experience conflict because of the lack of interaction with one another and having less opportunities to get to know each other. Hence, social activities can bring people closer to meet and build better and enhanced relationships. This was one of reasons why Kg. Takang, Bachok, Kelantan was selected as the location of the study as it is known to be a proactive village in executing community activities and has been made a 'social laboratory' by the Center for Language Studies and Generic Development of Universiti Malaysia Kelantan in 2017. Consequently, this communal relationship have increasingly grown closer and cooperation too have also improved. This article aims to identify and analyze communal activities that have succeeded in establishing cooperative relationships within the community in Kg. Takang. The method of data collection used for this study comprised of library research, in-depth interviews and observations. Content analysis was also used to analyze the data. The findings show that cooperative relationship exists because society is actively engaged in collective and ongoing community activities. The *Hijraturrasul* Community Development Model which incorporates the principles of *aulawiyat* (priority) practiced in the 'Social Laboratory' Programme has a positive impact on the Kg. Takang.

**Keywords:** community activities; The *Hijraturrasul* Community Development Model; cooperative relationship; 'Social Laboratory' Programme, *aulawiyat* principle.

### **PENGENALAN**

Hubungan kerjasama merupakan nilai penting dalam membina keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat. Hubungan kerjasama juga boleh mewujudkan hubungan interaksi sosial dan perpaduan. Menurut Fearon dan Laitin (1996), perhubungan dalam bentuk kerjasama mempunyai matlamat jangka panjang untuk menyatupadukan masyarakat. Oleh sebab itu, elemen kerjasama perlu diberi keutamaan untuk menghindari daripada persengketaan dan menuju ke arah keharmonian.

Menurut Surtahman Kastin Hasan (2008), teras utama kerjasama ialah altruisme iaitu satu sikap yang tidak mementingkan diri sebaliknya mementingkan kebajikan masyarakat. Altruisme dapat melahirkan nilai-nilai mulia seperti bertanggungjawab, bertimbang rasa, kasih sayang, hormat-menghormati, jujur, ikhlas, adil dan sebagainya. Masyarakat majmuk memilih hubungan kerjasama kerana tidak berupaya untuk melenyapkan perbezaan antara etnik dan mengelak daripada berlaku konflik. Salmi (2006) pula berpendapat bahawa hubungan sesama jiran yang baik ini mampu untuk meningkatkan kestabilan dalam politik, mengurangkan kadar jenayah, menjana pembangunan ekonomi serta dapat menjaga kebajikan sosial masyarakat. Beliau menegaskan bahawa hubungan kejiranan ini mampu untuk meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk. Hal

ini seiring dengan pandangan Forrest (2001) yang menyatakan bahawa hubungan kejiranan boleh membina kepercayaan dan meningkatkan pemahaman khususnya kepada golongan muda tentang perasaan hormat-menghormati sesama sendiri. Selain itu, semangat kejiranan yang tinggi boleh dikaitkan dengan jaminan keselamatan. Hasil kajian yang dilakukan oleh Sheau (2006) telah menunjukkan bahawa mereka yang sering berasa tempat tinggal mereka selamat akan mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap jirannya.

Oleh sebab itu, Putnam (1993, 1995) menyatakan bahawa salah satu usaha yang berpotensi membina ruang sosial dan budaya kerjasama adalah melalui penglibatan masyarakat dalam institusi sosial seperti berpersatuan dan organisasi. Penglibatan ini tanpa mengira batas budaya, agama dan bangsa. Misalnya, kajian yang telah dilakukan Fatimah Mohd Yasin (2010) menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat dalam aktiviti berpersatuan dapat memupuk sikap saling percaya, menghormati dan bertanggungjawab. Hal ini seiring dengan kajian oleh Korten (1980) dengan melihat pelaksanaan program *Savodaya Sharamandana Movement* di Sri Lanka bertujuan membangunkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat setempat. Program ini merupakan contoh organisasi sukarela yang berkesan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Shek (2007) dan Nurazmallail Marni et al. (2004) turut membincangkan kepentingan amalan kerjasama dalam masyarakat. Kajian Shek (2007) menunjukkan kerja berpasukan merupakan satu cara kerjasama yang berkesan dan perlu diamalkan bermula dari sekolah lagi. Manakala, Nurazmallail Marni et al. (2004) berpendapat bahawa amalan kerjasama yang ditekankan oleh Islam adalah untuk mewujudkan kesatuan dalam masyarakat. Masyarakat perlu bekerjasama bagi membina hubungan baik sesama manusia, membaiki taraf kehidupan dan menegakkan hukum Allah SWT untuk mencapai kejayaan.

Steven (2003) dan Surtahman Kastin Hasan (2008) turut menjelaskan tentang kepentingan kerjasama dalam pembangunan ekonomi. Menurut Steven dan Surtahman Kastin Hasan, masyarakat majmuk perlu berganding bahu bagi membangunkan sektor ekonomi dan bekerjasama dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama. Masyarakat yang menjalin hubungan kerjasama mempunyai peluang yang luas untuk mencapai kejayaan dan mampu meningkatkan taraf ekonomi mereka. N. Emel Ganapati, Ilan Kelman dan Theodore Koukis (2010) pula membincangkan kepentingan membina hubungan kerjasama terutama negara-negara yang berkonflik. Hal ini kerana wujud hubungan kerjasama secara jangka panjang antara negara-negara berkonflik apabila berlaku bencana alam. Manakala, James dan David (1996) turut membincangkan kepentingan hubungan kerjasama dalam menyelesaikan persengketaan dan konflik bagi mencapai keamanan. Ibnu Khaldun (1993) pula berpandangan sesebuah dinasti atau kerajaan boleh berkembang luas melalui semangat kerjasama. Semangat kerjasama ini hanya akan wujud apabila setiap anggota masyarakatnya saling menyayangi dan sanggup berjuang serta rela berkorban demi menjaga kepentingan bersama.

## **KAEDAH METODOLOGI**

### **Kaedah Pengumpulan Data Sekunder**

Data sekunder merupakan data sedia ada yang dikumpul oleh penyelidik terdahulu sama ada dalam bentuk teks atau nombor (David & Sutton, 2004: 370). Dalam kajian ini, data sekunder dikumpul melalui kajian kepustakaan. Sumber data diperoleh dalam bentuk tesis, disertasi, latihan ilmiah, jurnal, artikel, kertas kerja, buku, majalah dan teks lain yang berkaitan. Data yang dikumpul ini memberi idea asas dalam mereka bentuk, menganalisis dan menginterpretasikan kajian ini (Sabithan Marican, 2005).

### **Kaedah Pengumpulan Data Primer**

Dalam artikel ini, data primer diperoleh secara langsung dari kajian lapangan. Sumber data primer ini diperoleh melalui sesi temu bual mendalam (*in-depth interview*). Kaedah pensampelan digunakan bagi memilih sampel yang dikaji. Seramai 5 orang ahli jawatan kuasa kampung dipilih sebagai responden bagi mendapatkan maklumat berkenaan kajian.

### ***Kaedah Pensampelan***

Proses pemilihan sampel merupakan peringkat yang penting dalam kajian bagi memastikan maklumat yang mencukupi boleh diperoleh daripada sampel yang dipilih (Ryan, Scapens & Theobald, 2002:137). Artikel ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu memilih sampel daripada satu populasi mengikut kriteria-kriteria tertentu selaras dengan tujuan kajian (Calmorin & Calmorin, 2008:104). Menurut Sabitha Marican (2005:105), penyelidik perlu menggunakan pertimbangan sendiri untuk memilih responden yang paling sesuai dengan tujuan kajian. Lazimnya, responden yang dipilih akan meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki penyelidik. Oleh sebab itu, artikel ini memilih responden yang mempunyai autoriti dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di Kg. Takang. Hal ini bertujuan mendapatkan maklumat dan penjelasan secara terperinci berkenaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tersebut.

### **Kaedah Penganalisan Data**

Kaedah penganalisan data merupakan proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang telah dikumpul. Data yang diperoleh dalam artikel ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti dan menjelaskan secara sistematik makna atau kandungan tersurat serta tersirat dokumen yang dikaji (Bryman, 2008; Othman Lebar, 2012). Analisis ini bertujuan mencari tema-tema khusus dan umum daripada data yang dikumpul (Sabitha Marican, 2005). Kaedah ini boleh digunakan bagi kajian berbentuk kualitatif (Kondracki, Wellman & Amundson, 2002).

## **KONSEP MAKMAL SOSIAL**

Makmal adalah satu tempat yang digunakan oleh para penyelidik melakukan pelbagai eksperimen dan penyelidikan khususnya yang melibatkan bidang ilmu sains tabii seperti ilmu biologi. Bidang ilmu ini memerlukan makmal untuk memerhatikan gejala alamiah secara saintifik, terkawal dan empirikal. Makmal biasanya dibezakan mengikut bidang ilmunya seperti makmal kimia, makmal biologi dan makmal komputer. Dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan, konsep makmal jarang digunakan kerana manusia sebagai individu atau secara berkumpulan dikaji dalam bentuk yang tabii. Walau bagaimanapun, konsep makmal terbuka atau makmal sosial tetap relevan dalam bidang ilmu tersebut kerana manusia secara kompleks saling berinteraksi, persekitaran dan alam keseluruhannya. Melalui makmal sosial tersebut, pengkaji boleh membuat pemerhatian, andaian, pengujian, rumusan dan sebagainya secara lebih berfokus. dengan menggunakan pelbagai kaedah bagi memahami gelagat tingkah laku manusia, pembuatan keputusan dan perkara yang berkaitan. Konsep Makmal Sosial pernah dilancarkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2015 yang direka khusus untuk pembangunan pelajar secara holistik yang menggabungkan tiga elemen iaitu pelajar, majikan dan juga ibu bapa (UPM, 2015). Walau bagaimanapun, konsep Makmal Sosial yang dikemukakan dalam artikel ini sedikit berbeza kerana fokus kepada komuniti bertujuan

meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dalam segala aspek. Makmal sosial ini juga berperanan sebagai medan lapangan bagi para ilmuwan dan penyelidik khususnya dalam bidang sains kemanusiaan di IPT untuk mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran bagi membantu masyarakat secara terancang dan sistematik.

### **PENUBUHAN MAKMAL SOSIAL PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH (PBI) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

Cadangan untuk mewujudkan makmal sosial bukan suatu perkara baru di PBI dan telah lama dibincangkan sebelum ini. Inisiatif ini bertepatan dengan umur UMK yang telah pun mencapai satu dekad. Melalui projek ini, pihak PBI mempunyai satu fokus untuk menjalankan pelbagai aktiviti keilmuan dan penyelidikan secara berterusan dalam jangka masa yang panjang. Dalam konteks yang lebih besar, projek ini boleh dijadikan platform untuk ahli akademik UMK khususnya PBI untuk berinteraksi, berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai disiplin ilmu serta menjalin hubungan strategik dengan pelbagai pihak yang berkepentingan atas nama ilmu dan kebenaran. Projek ini juga memberi peluang kepada ahli akademik dari pelbagai fakulti untuk bergabung tenaga dan kepakaran bagi membantu masyarakat serta menggalakkan budaya keserjanaan yang berteraskan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik, umumnya di UMK dan khususnya di PBI. Justeru, satu makmal sosial dalam bentuk kampung angkat yang dipilih secara khusus adalah satu keperluan yang penting.

### **MODEL PEMBANGUNAN KOMUNITI**


Projek Makmal Sosial PBI UMK menggunakan Model Hijaturrasul yang terkandung di dalamnya konsep pendidikan bersepadu dan prinsip *aulawiyat* (prinsip keutamaan). Model Hijaturrasul adalah satu model pembangunan komuniti yang cuba mengaplikasikan peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW yang berpindah dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah kerana mematuhi arahan Allah SWT (Al-Buthy, 2006). Baginda SAW telah menggunakan tiga strategi utama sebaik sahaja tiba di Madinah untuk membangunkan masyarakat berbilang bangsa dan agama di Madinah. Strategi yang sama digunakan dalam projek Makmal Sosial ini dengan mengubah suai beberapa aspek berdasarkan konteks tempatan dan perkembangan semasa. Strategi pembangunan tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Mengoptimumkan fungsi masjid dalam mengapikasi strategi mendirikan Masjid Nabawi dengan segala fungsinya pada zaman baginda Rasulullah SAW.
2. Memantapkan hubungan persaudarakan dan ukhuwwah antara masyarakat Kg. Takang dan pihak luar dalam mengaplikasikan strategi mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar.
3. Mengadakan kontrak sosial dengan semua pihak yang terlibat mengenai matlamat, hala tuju dan impak projek dalam mengaplikasikan strategi mengadakan perjanjian damai dengan pelbagai pihak melalui Piagam Madinah.

Bagi melengkapkan Model Pembangunan Komuniti *Hijaturrasul*, prinsip *aulawiyat* menurut al-Qaradhawi (2014) turut diguna pakai dengan mengaplikasikan sembilan prinsip di bawah:

Jadual 1: Sembilan Prinsip *Aulawiyyat* Menurut Al-Qaradhawi (2014)

No	Prinsip Keutamaan
1.	Fardhu Ain berbanding dengan Fardhu Kifayah
2.	Amalan fardhu berbanding dengan amalan sunat
3.	Usul (asas) berbanding dengan <i>furu'</i> (cabangan)
4.	Kualiti berbanding dengan kuantiti
5.	Berkesinambungan berbanding dengan terputus-putus
6.	Amalan hati berbanding dengan amalan badan
7.	Manfaat orang ramai berbanding dengan untuk diri sendiri
8.	Manfaat yang lama berbanding dengan manfaat yang singkat
9.	Keutamaan hak jamaah berbanding dengan hak individu.



Rajah 1: Sembilan Prinsip *Aulawiyat* Menurut Al-Qaradhawi (2014)

Prinsip *aulawiyat* sangat penting untuk memandu komuniti agar mampu meletakkan setiap perkara di tempatnya dengan adil. Prinsip *aulawiyat* mendidik masyarakat agar mengutamakan perkara yang terpenting berbanding yang penting, mendahulukan perkara yang paling asas berbanding dengan aspek cabang dan kepentingan yang melibatkan ramai pihak berbanding dengan kepentingan individu. Semua susunan ini berpandukan pedoman wahyu dan bukannya rasional akal semata-mata.

### **JUSTIFIKASI PEMILIHAN KG. TAKANG SEBAGAI PROJEK PERINTIS**

Kg Takang, Bachok telah dipilih untuk dijadikan perintis dalam projek Makmal Sosial dengan justifikasi berikut:

1. Kg. Takang adalah sebuah perkampungan kecil yang terdiri daripada 106 keluarga yang kebanyakannya mempunyai ikatan kekeluargaan. Komuniti yang kecil dan kerjasama yang baik antara penduduk kampung amat penting untuk memudahkan segala urusan dan pengurusan program.
2. Lokasinya tidak terlalu jauh dari UMK Kampus Bachok (19 kilometer) dan UMK Kampus Kota (15 kilometer). Kedudukan ini strategik bagi memudahkan perhubungan dan pergerakan staf dan penyelidik ke lokasi berkenaan.
3. Kerjasama yang baik antara pimpinan tempatan dari pelbagai peringkat (penghulu persekutuan dan negeri, imam dan pemimpin belia). Para pemimpin setempat menunjukkan toleransi dan kesanggupan yang tinggi untuk meningkatkan kualiti penduduk setempat.
4. Penduduk Kg. Takang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian (tanaman padi), perniagaan dan perusahaan (runcit, ternakan ayam, pembuatan batik, pembancuhan simen, industri kecil kerepek dan kuih) dan aktif dalam kegiatan sosial dan keagamaan.
5. Pergerakan belia dan remaja yang aktif dan Kg. Takang mempunyai pasukan sukarelawan belia yang dikenali sebagai SMART yang aktif membantu masyarakat setempat dan juga masyarakat di luar. Di samping itu, Kg Takang juga mempunyai pasukan Dikir Barat remaja yang dikenali sebagai STAR.

### **KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM MAKMAL SOSIAL**

1. Mengadakan siri perbincangan secara teratur antara pihak PBI UMK dengan pihak kepimpinan komuniti dalam menentukan halatuju dan skop ruang kerjasama antara pihak universiti dan komuniti.
2. Projek kerjasama Makmal Sosial melibatkan pelbagai golongan secara berfokus seperti golongan tua, belia, wanita dan remaja/kanak-kanak.
3. Menentukan pendekatan, bentuk dan kaedah penyampaian program atau projek yang dipersetujui bersama antara pihak pusat dan komuniti. Secara keseluruhan projek seharusnya dilaksanakan dengan semangat menang-menang.
4. Menentukan cara penilaian atau impak kepada komuniti dan bentuk manfaat yang bakal diperoleh penduduk.
5. Projek yang dilaksanakan bersifat holistik (dimensi fizikal, minda, emosi dan kerohanian) dan melibatkan pelbagai aspek serta bidang ilmu (multidisiplin / interdisiplin / transdisiplin) bagi mencapai pembangunan yang bersepadu dan seimbang.

6. Projek dibahagikan kepada empat sektor untuk menjadikannya lebih fokus dan sistematik sebagaimana berikut:
  - i) Sektor Kerohanian dan Pembangunan Diri
  - ii) Sektor Kebersihan dan Keceriaan
  - iii) Sektor Keusahawanan dan Pengembangan Ekonomi
  - iv) Sektor Pendidikan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

### **PENCAPAIAN DAN IMPAK MAKMAL SOSIAL**

Projek Makmal Sosial PBI UMK telah membuahkan beberapa hasil dan pencapaian yang membanggakan dalam tempoh setahun (peringkat pertama). Antara pencapaian yang diperoleh adalah kemampuan Kg. Takang meraih Johan Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri Kelantan. Meskipun ada pihak yang mempertikaikan kemenangan tersebut namun perubahan fizikal, pemikiran dan sikap penduduk Kg. Takang sememangnya berbeza dan menakjubkan. Para penilai peringkat kebangsaan turut memberi pengiktirafan tentang keunikan pencapaian Kg. Takang yang menggunakan konsep model *Hijraturrasul*. Kg. Takang telah memenangi wang sebanyak RM 35,000 (RM 5,000 peringkat daerah, RM10,000 peringkat negeri dan RM 20,000 peringkat kebangsaan) hasil daripada penglibatan mereka dalam pertandingan Anugerah Desa Perdana tersebut. Sebahagian wang tersebut telah dimanfaatkan untuk membayar segala perbelanjaan aktiviti yang telah digunakan dalam pertandingan tersebut dan bakinya diserahkan kepada pihak masjid untuk tujuan pembinaan komuniti. Di samping itu, suasana fizikal Kg. Takang juga turut berubah menjadi cantik, bersih dan lebih terurus. Hal ini adalah pencapaian yang bersifat lahiriah yang boleh disaksikan oleh pihak yang terlibat dan juga pihak luar.

Pencapaian yang lebih utama ialah perubahan cara berfikir dan sikap komuniti melalui Model Pembangunan Komuniti *Hijraturrasul* yang meletakkan agama sebagai teras utama pembangunan komuniti sebagaimana yang termaktub dalam Piagam Muafakat. Kefahaman bahawa agama adalah asas yang boleh menggerak, menyusun dan mengurus tingkah laku serta gelagat komuniti sangat penting. Menurut rekod, Piagam Muafakat telah beberapa kali menyelamatkan komuniti daripada konflik pada peringkat awal meskipun akhirnya kerjasama tersebut pada penghujung akhirnya pecah jua disebabkan oleh faktor politik yang tidak sihat. Namun, aspek yang perlu diteliti ialah pengalaman pembelajaran komuniti telah membawa kepada kehidupan yang bersatu padu tanpa memperdulikan perbezaan politik telah berjaya mengubah komuniti dari tahap yang biasa kepada cara hidup yang mementingkan kebersihan, pendidikan, nilai keagamaan dan kesungguhan untuk membangunkan diri serta keluarga masing-masing.

Satu lagi aspek yang boleh dibanggakan ialah projek ini juga telah berjaya menanam nilai mandiri dalam jiwa komuniti dengan semangat memajukan diri dan komuniti tanpa terlalu bergantung kepada bantuan pihak luar atau pihak pemerintah. Mereka berjaya melaksanakan pelbagai program tanpa bantuan kewangan dari pihak lain. Komuniti telah dimaklumkan dari awal bahawa mereka tidak akan diberi bantuan dari aspek kewangan dari pihak UMK. Walau bagaimanapun komuniti berjaya melaksanakan pelbagai program secara gotong royong. Bahkan mereka sama-sama mengeluarkan perbelanjaan sendiri semata-mata untuk mencapai keredaan Allah SWT. Sikap terpuji ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Oleh sebab itu, projek Makmal Sosial tidak memerlukan kos kewangan yang tinggi.



## **AKTIVITI KEMASYARAKATAN PENDUDUK KG. TAKANG**

Masyarakat Kg. Takang aktif melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berasaskan Model Pembangunan Komuniti *Hijraturrasul* yang terkandung di dalamnya konsep pendidikan bersepadu dan prinsip *aulawiyat*. Hal ini bagi memberi panduan dan rujukan kepada masyarakat berkenaan matlamat pelaksanaan setiap aktiviti supaya selari dengan kehendak Islam. Menurut Noor Hisyam Md Nawi, masyarakat kampung mempunyai kesedaran yang baik tentang program kemasyarakatan kerana mendapat bimbingan daripada pengarah Muafakat, Imam Kg. Takang, pimpinan dan biro-biro lain. Maka, setiap program yang dilaksanakan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat. Setiap program yang dilaksanakan menggunakan tabung hasil kutipan dari penduduk kampung sendiri tanpa bantuan dan sumbangan dari pihak luar.

Menurut imam tua Kg. Takang iaitu Mohd Rosdi Abdul Samad menyatakan bahawa aktiviti kemasyarakatan yang biasa dilakukan di Kg. Takang seperti Pesta Memancing, Sambutan Ambang Merdeka, Pesta Air dan Kayak, Pesta Ubi, Basikal Berhias dan Sambutan Maulidur Rasul. Selain itu, sambutan bagi perayaan Aidilfitri dan Aidiladha turut diadakan secara bergotong-royong oleh penduduk kampung. Aktiviti ini dilaksanakan saban tahun bagi mengeratkan hubungan dan memeriahkan suasana kampung.

Selain itu, menurut Noor Hisyam Md. Nawi aktiviti kemasyarakatan yang turut kerap dilakukan di Kg. Takang ialah program Dialog Malam Rabu (DAMAR) yang diadakan pada setiap hari Rabu. Program DAMAR ini membincangkan pelbagai isu. Sebagai contoh, ceramah berkenaan haiwan yang telah dikongsikan oleh doktor veteriner. Hal ini dekat dengan penduduk kampung kerana penduduk suka menternak lembu dan kambing.

Aktiviti kemasyarakatan ini dilakukan secara suka rela oleh penduduk kampung sendiri. Menurut pemerhatian juga penduduk kampung begitu teruja dan sanggup menggunakan kewangan sendiri untuk menghias rumah dan kawasan kampung bagi pertandingan kebersihan dan keceriaan. Penduduk kampung juga kreatif dalam menghasilkan gubahan bunga, cendawan yang diperbuat daripada simen, tayar terpakai dijadikan pasu bunga dan sebagainya.

Penduduk kampung juga aktif melakukan aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan kampung, kubur, tali air, masjid, surau dan tabika bagi menceriakan kampung mereka. Sepanjang program muafakat berlangsung, lebih 50 kali aktiviti gotong-royong telah diadakan di Kg. Takang.

## **HUBUNGAN KERJASAMA MASYARAKAT KG. TAKANG DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KEMASYARAKATAN**

Aktiviti-aktiviti ini telah membina hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat. Melalui aktiviti begini masyarakat dapat mengenali antara satu sama lain dan saling berinteraksi. Hal ini dapat merapatkan hubungan dalam masyarakat setempat.

Menurut setiausaha program, Arzami Cheman, program ini telah berjaya membawa masyarakat membina hubungan kerjasama dan saling membantu. Masyarakat lebih serius dan tekun dalam melaksanakan program yang telah dirancang. Misalnya, bagi sektor kebersihan dan keceriaan, masyarakat setempat sanggup menggunakan kewangan sendiri bagi menjayakan program tersebut. Mereka turut meluangkan masa setiap petang bagi menceriakan kawasan kampung seperti membina pintu gerbang, membersihkan tali air, masjid, surau dan sebagainya. Selain itu, masyarakat juga menghidupkan suasana ceria halaman rumah dan kampung dengan menghasilkan produk-produk yang indah, bermanfaat, kreatif dan inovatif. Hasil pemerhatian

menunjukkan masyarakat melaksanakan aktiviti mencerikan kampung dengan bersungguh-sungguh dan wujudnya hubungan silaturrahim yang erat.

Menurut Mohd Din Hamzah pula, penduduk kampung merasa berbesar hati kerana dapat melibatkan diri dalam program kemasyarakatan. Masa yang terluang digunakan untuk aktiviti yang bermanfaat. Sebagai contoh, aktiviti kenduri-kendara, jamuan dan sambutan perayaan masyarakat akan turut serta dan mencurahkan tenaga serta wang untuk menjayakan program tersebut. Kebiasaannya masyarakat akan mengadakan mesyuarat untuk memutuskan sesuatu perkara. Apabila masyarakat melibatkan aktiviti dalam program kemasyarakatan, masyarakat akan saling bertemu dan berinteraksi. Hal ini telah membina hubungan kerjasama yang baik dalam masyarakat. Oleh sebab itu, Putnam (1993, 1995) menyatakan bahawa salah satu usaha yang berpotensi membina ruang sosial dan budaya kerjasama adalah melalui penglibatan masyarakat dalam institusi sosial. Hal ini seiring dengan pendapat Muamar (2007) bahawa hubungan baik sesama jiran tetangga dapat membentuk hubungan kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat.

Menurut Semas Mamat, kadar jenayah di Kg. Takang juga semakin berkurangan kerana masyarakat juga kerap melakukan rondaan di seluruh kampung. Masyarakat Kg. Takang juga perihatin terhadap kadar jenayah yang semakin meningkat terutama pecah masuk rumah dan kecurian. Hal ini adalah hasil usaha dan kerjasama masyarakat dalam memantau keadaan kampung terutama pada waktu malam. Oleh sebab itu, Salmi (2006) menyatakan bahawa hubungan kejiranan yang baik boleh mengurangkan kadar jenayah, meningkatkan kestabilan politik, menjana pembangunan ekonomi dan menjaga kebajikan masyarakat. Hal ini seiring dengan pandangan Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak dan Abd. Hair Awang (2011) bahawa hubungan kejiranan yang baik penentu kepada kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, program pendidikan turut diadakan seperti ceramah agama, kelas mengaji al-Quran dan tuisyen. Menurut Zaharah Mohd Dali, semenjak program pendidikan diteruskan masyarakat semakin dekat dengan agama dan ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan selek-belok agama Islam. Malah, sikap masyarakat juga turut terkesan apabila sikap menghormati antara jiran tetangga semakin jelas. Keadaan ini menunjukkan aktiviti pendidikan boleh mewujudkan sikap hormat-menghormati dalam masyarakat. Hal ini seiring dengan pandangan Islam yang menggalakkan umatnya menghormati jiran tetangga kerana salah satu faktor kesempurnaan iman (Rohmat Jusoh, 1982; Rohani Dollah, 1978). S. Khuda Bukhsh (t.t.) berpendapat bahawa ahli masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan ikatan persaudaraan sesama jiran tetangga. Hal ini kerana ikatan persaudaraan dapat mencapai keharmonian.

Walau bagaimanapun, hubungan kerjasama dalam masyarakat mula renggang apabila berlakunya salah faham berkenaan politik dalam masyarakat. Hal ini telah menyebabkan aktiviti kemasyarakatan di Kg. Takang mulai perlahan. Perkara ini telah memberi kesan kepada hubungan antara masyarakat sehingga segelintir penduduk tidak bertegur sapa dan tidak datang ke masjid. Malah, terdapat ahli masyarakat yang tidak melibatkan diri dalam program yang dianjurkan. Pengaruh politik telah memperlahankan bahkan merosakkan pelaksanaan projek Makmal Sosial. Masyarakat Kelantan sangat sensitif terhadap isu politik. Sebahagian daripada mereka melihat parti sebagai satu entiti yang sangat penting dalam hidup mereka.

## **KESIMPULAN**

Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan oleh masyarakat Kg. Takang memberi ruang kepada masyarakat untuk bertemu, berinteraksi dan saling mengenali. Hal ini telah mengeratkan hubungan sesama ahli masyarakat dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan menunjukkan wujudnya hubungan kerjasama yang baik dalam masyarakat kampung. Hasil penelitian mendapati aktiviti-

aktiviti ini telah membina hubungan kerjasama dan mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Masyarakat melakukan setiap program dengan kesungguhan dan keceriaan. Projek Makmal Sosial PBI UMK yang menggunakan Model Pembangunan Komuniti *Hijraturrasul* ini berjaya membentuk hubungan kerjasama dan memberi kesan positif kepada masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, faktor politik telah menyebabkan pergaduhan dalam masyarakat sehinggakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan menjadi perlahan. Oleh sebab itu, faktor politik perlu diketepikan dan tidak boleh dicampur aduk dalam aktiviti kemasyarakatan bagi memelihara hubungan kerjasama dan keharmonian dalam masyarakat.

## RUJUKAN

- Al-Qaradhawi. (2014). *Fiqh Keutamaan* (Terj. Ahmad Muzakkir Ahlami). Selangor: PTS Publications & Distributor.
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: Oxford University Press.
- Calmorin, L. P. & Calmorin, M. A. (2008). *Research Methods and Thesis Writing* (2<sup>nd</sup> ed.). Philippine: Rex Book Store.
- David, M. & Sutton, C. D. (2004). *Social Research. The Basics*. London: Sage Publication.
- Fatimah Mohd Yasin (2010). *Interaksi Etnik dalam Organisasi Sosial: Kajian terhadap Rukun Tetangga di Pulau Pinang*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Fearon, J. D. & Laitin, D. D. (1996). Explaining Interethnic Cooperation. *American Political Science Review*, 90(4), 715-735.
- Forrest, R. K. A. (2001). Social Cohesion, Social Capital and the Neighbourhood. *Urban Studies*, 38(12), 2125-2143.
- Ibnu Khaldun (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun* (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kondracki, N. L., Wellman, N. S. & Amundson, D. R. (2002). Content Analysis: Review of Methods and their Application in Nutrition Education. *Journal of Nutrition Education and Behaviour*, 34(4), 224-230.
- Korten, D. C. (1980). Community Organization and Rural Development. A Learning Process Approach. *Public Administration Review*, 40, 242-249.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak dan Abd. Hair Awang (2011). Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysia, Journal of Society and Space* 7(3), 36-44.
- Muamar (2007). *Piagam Madinah dan Teori Kontrak Sosial Jean Jacques Rousseau*. Tesis Sarjana Hukum Islam, UIN Syarif Hidayatul, Jakarta. Tidak diterbitkan.
- Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buthy (2006). *Sirah Nabawiyah. Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam pada Masa Rasulullah s.a.w.* (Terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid). Selangor: Pustaka Dini.
- Nurazmallail Marni et al. (2004). Amalan Bekerjasama dalam Komuniti Setempat: Kepentingannya Menurut Perspektif Islam. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*, Universiti Utara Malaysia, Kedah pada 4-6 September 2004.
- Othman Lebar (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.

- Putnam, R. D. (1993). *Making Democracy Work, Civic Traditions in Modern Italy*. Princeton: Princeton University Press.
- Putnam, R. D. (1995). Tuning In, Tuning Out: The Strange Disappearance of Social Capital in America. *PS: Political Science & Politics*, 28(4), 664-683.
- Rohani Dollah (1978). *Pendidikan Akhlak mengikut Pandangan Islam*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Rohmat Jusoh (1982). *Sejarah Islam*. Dungun: Pustaka Harmonis.
- Ryan, B., Scapens, R. W. & Theobald, M. (2002). *Research Method and Methodology in Finance and Accounting*(2<sup>nd</sup> ed.). London: Thomson.
- S. Khuda Bukhsh (t.t.). *Contribution to the History of Islamic Civilization*. Lahore: Accurate Printers.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Salmi, V. (2006). The Association between Social Capital and Juvenile Crime: The Role of Individual and Structural Factors. *European Journal of Criminology*, 3(2), 123–148.
- Sheau, T. C. (2006). *It takes a Village to Raise a Child: Building Social Capital in Safe and Cohesive Neighbourhood*. Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shek, K. F. (2007). *Keberkesanan Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia dalam Jabatan Bahasa dan Sains Sosial di Sekolah Menengah Daerah Pontian*. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Steven, C. D. (2003). Cooperation for Community Economic Development. *Community Economics* (Oktober), 1-2. Diakses pada 12 Disember 2012 daripada <http://www.aae.wisc.edu/pubs/cenews/docs/ce324.pdf>.
- Surtahman Kastin Hasan (2008). *Kerjasama Ekonomi Umat Islam Potensi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Senarai Temu Bual**

Temu bual bersama Noor Hisyam bin Md. Nawi pada 19 Ogos 2018.

Temu bual bersama Mohd Rosdi bin Abdul Samad pada 15 Julai 2018

Temu bual bersama Semas binti Mamat temu bual pada 27 Jun 2018.

Temu bual bersama Mohd Din bin Hamzah pada 27 Jun 2018.

Temu bual bersama Zaharah binti Mohd Dali pada 27 Jun 2018.

**Penulis**

Zaleha Embong merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Sains Kemasyarakatan (Konflik dan Pendamaian) dari Universiti Sains Malaysia, Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi dan Sosiologi) dari Universiti Sains Malaysia.

Noor Hisyam Md. Nawi merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan (Pembangunan Kurikulum) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Ijazah Sarjana Sains Psikologi (Kaunseling) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.